

GARBOSE TABLET

Acarbose (50mg, 100mg) (potency)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan GARBOSE TABLET
2. Bagaimana GARBOSE TABLET berfungsi
3. Sebelum menggunakan GARBOSE TABLET
4. Cara menggunakan GARBOSE TABLET
5. Semasa menggunakan GARBOSE TABLET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan GARBOSE TABLET
8. Maklumat lanjut
9. Alamat pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan GARBOSE TABLET

Terapi tambahan bersama dengan diet pada pesakit diabetes melitus.

Bagaimana GARBOSE TABLET berfungsi

GARBOSE merencat enzim usus yang terlibat dalam degradasi karbohidrat yang akan melambatkan penghadaman dan penyerapan makanan. Dengan itu, tahap glukosa darah dapat diturunkan.

Sebelum menggunakan GARBOSE TABLET

- Bila tidak boleh menggunakan
Jika anda alah terhadap acarbose. Elakkan pengambilan ubat ini jika anda mempunyai penyakit usus yang kronik, masalah hati dan masalah buah pinggan yang serius.
- Sebelum menggunakannya
Beritahu doktor jika anda alah terhadap sebarang ubat ataupun mempunyai sebarang masalah kesihatan.
- Jika mengambil ubat-ubat lain
Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat. Interaksi dengan ubat-ubatan seperti agen hipoglisemia, bahan penyerap dan enzim penghadaman, neomycin, cholestyramine dan digoxin mungkin akan berlaku.

Cara menggunakan GARBOSE TABLET

- Berapa banyak harus digunakan
Dos GARBOSE TABLET harus diberi berdasarkan keadaan pesakit kerana keberkesanan ubat dan toleransi untuk setiap individu adalah berbeza. Sila rujuk kepada doctor atau ahli farmasi anda jika ada sebarang soalan.

- Bila perlu digunakan

GARBOSE TABLET boleh ditelan dengan sedikit air sebelum makan ataupun dikunyah bersama dengan beberapa suapan makanan yang pertama.

- Berapa lama perlu digunakan

GARBOSE TABLET perlu diambil mengikut preskripsi doktor anda.

- Jika anda terlupa menggunakan

Jika anda terlepas dos GARBOSE TABLET ambil secepat mungkin. Jika ia menghampiri masa untuk dos seterusnya, skip dos tertinggal dan kembali kepada jadual pengambilan dos biasa anda. Jangan menggandakan dos.

- Jika menggunakan secara berlebihan (terlebih dos)

Simptom seperti meteorism, perut kembung dan cirit birit mungkin akan berlaku. Bagi kes berlebihan dos, pesakit tidak dibenarkan untuk minum atau makan makanan mengandungi karbohidrat dalam tempoh 4-6 jam yang berikutnya.

Semasa menggunakan GARBOSE TABLET

- Perkara yang perlu dilakukan
Ikut instruksi doktor semasa guna ubat ini.
- Perkara yang tidak boleh dilakukan
Jangan berhenti mengambil ubat ini atau menukar regimen dos tanpa arahan daripada doktor anda. Jangan berikan GARBOSE TABLET kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.
- Perkara yang perlu diberi perhatian
GARBOSE TABLET biasanya tidak menyebabkan hypoglycemia. Akan tetapi, sila berhati-hati jika digunakan bersama dengan ubat antidiabetic yang lain, Anda dinasihati supaya mengikut diet antidiabetic dan kerap bersenam semasa mengambil ubat ini.

Kesan-kesan sampingan

Kesan sampingan yang biasa termasuk perut kembung, cirit birit, dan sakit gastrousus.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan GARBOSE TABLET


- Penyimpanan
Simpan di bawah suhu 30°C dan elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan.
- Pelupusan
Jika doktor atau ahli farmasi anda memberitahu untuk berhenti menggunakan GARBOSE TABLET atau ubat ini telah luput tarikh, sila bertanya kepada doktor atau ahli farmasi tentang cara pengendalian ubat yang tertinggal.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk


50mg:

A white to yellowish white color round tablet, one side is impressed with a score in the middle, "G" on the top and "50" on the bottom.



100mg:

A white to yellowish white color round tablet, one side is impressed with a score in the middle, "G" on the top and "100" on the bottom.



Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Acarbose
- Bahan tidak aktif
Corn Starch
Hydroxypropyl Cellulose
Colloidal Silicon Dioxide
Microcrystalline Cellulose
Magnesium Stearate
- Nombor MAL
50mg:
MAL09100265AZ
100mg:
MAL09100266AZ

GARBOSE TABLET

Acarbose (50mg, 100mg) (potency)

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran

Produk

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3, 5, 7, 12 & 14, Jalan P/7, Section 13,

Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi,

43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP:

04/12/2025

Number serial:

NPRA(R2/1)220621/903